

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 6 JULAI 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

---

### MENGANGKAT SUMPAAH

---

#### PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1222-L7619  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan tepat dan jelas definisi konsep 1Malaysia dan apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memantapkan konsep ini.
2. PN-1222-L7721  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah benar dakwaan orang ramai bahawa beras jenis Super Tempatan 15 peratus hancur tiada di pasaran sekarang dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.
3. PN-1222-L8226  
**Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes penderaan oleh majikan Malaysia ke atas pembantu-pembantu rumah warga asing. Berapakah kes yang telah dikenal pasti, yang telah dan sedang dibicarakan, bilangan pesalah-pesalah yang telah dihukum, bentuk hukuman yang paling berat dan kes-kes yang menunggu perbicaraan.
4. PN-1222-L7638  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menerima pandangan rakyat yang bersetuju supaya Bahasa Inggeris dijadikan syarat kelulusan SPM dengan mengambil kira gred kelulusan Bahasa Melayu lebih tinggi dan penghapusan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

**Dato' Haji Ikhwan Samin bin Dato' Sujak** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan pegawai-pegawai belia di peringkat daerah mahupun negeri di dalam melaksanakan serta menjayakan program-program yang melibatkan belia-belia serta apakah badan yang memantau pelaksanaan serta keberkesanan program-program yang akan dilaksanakan tersebut.

6. PN-1222-L7946  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat manakah hasil pencapaian 'Program Cari-cari' yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu mereka yang kurang upaya (OKU), sakit kronik, keluarga termiskin dan ibu tunggal.
7. PN-1222-L7905  
**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan kerjasama perdagangan dua hala (*bi-lateral*) dan serantau (*regional*) yang telah dipersetujui oleh Malaysia serta kesannya kepada rundingan WTO yang melibatkan kepentingan Malaysia.
8. PN-1222-L7615  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk merujuk pertikaian perairan Ambalat dengan Indonesia kepada Mahkamah Kehakiman Antarabangsa (ICJ) dan kalau ya, apakah alasan-alasan yang kukuh untuk memastikan kemenangan akan menyebelahi kepada negara kita.
9. PN-1222-L7931  
**Tan Sri Datuk Tee Hock Seng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memandangkan pelaksanaan bayaran elektronik letak kereta di kawasan komersial taman perumahan telah menimbulkan bantahan dan kesusahan di kalangan warga kota, adakah kemungkinan Kementerian akan mengkaji semula atau membatalkan skim tersebut.
10. PN-1222-L8255  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk memasukkan angkubah-angkubah (variables) penjagaan alam sekitar di dalam kriteria-kriteria pelaksanaan Sistem Penggredan (Star Rating) Pihak Berkuasa Tempatan.

**Tuan Fau Chong Ong** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) adakah amaran banjir atau bencana alam diperkenalkan oleh pihak Kementerian benar-benar berkesan serta memberi impak kepada orang ramai; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian mempunyai cara-cara tertentu seperti menganjurkan kursus-kursus kepada NGO atau badan-badan sukarela di dalam memberi peringatan awal sebelum berlakunya sesuatu bencana alam.
12. PN-1222-L8174  
**Dato' Azian bin Osman** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapakah jumlah pertubuhan, kesatuan atau persatuan yang telah diharamkan oleh Kerajaan.
13. PN-1222-L8206  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan industri kelapa sawit Malaysia diancam oleh penyakit 'Fusarium Disease' yang kini telah pun banyak merosakkan tanaman kelapa sawit di Afrika Barat dan berapa banyakkah peruntukan yang telah disediakan bagi mengatasi masalah tersebut.
14. PN-1222-L8095  
**Puan Mumtaz binti Md. Naw** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk mewartakan pengharaman rokok di seluruh negara dan negeri manakah yang telah mewartakannya serta bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan pemasangan label "rokok haram" di semua premis perniagaan sebagaimana pengharaman arak dan judi.
15. PN-1222-L7971  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah pengisian dan '*course content*' bagi pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mencukupi untuk membekalkan anak-anak remaja kita sebagai warganegara yang patriotik lagi berdisiplin dan bertanggungjawab. Apakah program susulan bagi mereka untuk menyumbang bakti secara sukarela untuk negara sepanjang hayat.
16. PN-1222-L7871  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan lori-lori yang menggunakan jejambat di MRR2 dikehendaki menggunakan lorong sebelah kiri. Apakah berat muatan yang direka dan boleh ditampung oleh jejambat itu dan bolehkah kenderaan tersebut dimestikan menggunakan lorong sebelah kanan jejambat untuk mengurangkan ancaman retak atau runtuh.

- binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakan pegawai yang bertugas sama ada di Jabatan Pelajaran Negeri mahupun di Pejabat Pelajaran Daerah atau pun di Pejabat Pelajaran Gabungan tidak dinaikkan gred jawatan mereka agar setanding dengan pengetua, guru besar mahupun guru-guru di sekolah-sekolah yang di bawah kawalan mereka.
18. PN-1222-L7695  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini, berapakah jumlah kakitangan yang bukan bumiputera sedang berkhidmat di dalam Polis DiRaja Malaysia (PDRM).
  19. PN-1222-L8155  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan sistem demokrasi dan memastikan proses pilihan raya dan demokrasi negara kita tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan agenda mereka, memandangkan sering kali kebelakangan ini pilihan raya kecil terpaksa diadakan yang sekali gus membazir duit rakyat.
  20. PN-1222-L7989  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kontraktor-kontraktor telah berdaftar kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan berapakah kontraktor-kontraktor telah menyiapkan projek berkualiti dan kurang berkualiti.
  21. PN-1222-L7792  
**Puan Hajah Fatimah binti Hamat** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana keberkesanan FAMA di dalam membantu meningkatkan pemasaran produk-produk pertanian tempatan supaya petani-petani mendapat faedah yang maksima.
  22. PN-1222-L7936  
**Tuan Pau Chiong Ung** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian dapat memastikan maklumat di dalam E-Kasih adalah tepat kepada Kelompok Keluarga Isi Rumah Termiskin (KIRT) di mana aduan banyak diterima bahawa terdapat banyak maklumat keluarga termiskin tidak termasuk dalam data Sistem E-Kasih menyebabkan mereka tidak dapat bantuan kebajikan yang sepatutnya.
  23. PN-1222-L7811  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menjelaskan "Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" kepada umum secara lebih meluas terutamanya kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan belia-belie supaya mereka memahami dan menghayati konsep ini dengan lebih mendalam lagi.

**Puan Zaitun binti mat** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian akan memperketat kemasukan pembantu rumah warga asing, khususnya yang lari dari majikan asal dan kemudian masuk kembali ke negara ini dengan menggunakan identiti baru.

25. PN-1222-L7739

**Tuan Khoo Soo Seang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan para peniaga, pengusaha, kontraktor, pekilang dan warga negara keseluruhannya menyedari bahawa di zaman globalisasi ini kita semua harus lebih berdaya saing dengan orang asing dan tidak boleh lagi bergantung semata-mata kepada hak istimewa, kuota dan perlindungan Kerajaan untuk mendapatkan projek dan perniagaan.

26. PN-1222-L8028

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rancangan-rancangan Kementerian agar nasib golongan miskin dan bawahan tidak terpinggir dalam arus kepesatan dan kemajuan. Apakah rancangan-rancangan Kementerian dalam usaha menyediakan tempat tinggal, memberi peluang pekerjaan, perniagaan kepada golongan ini.

27. PN-1222-L7849

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan langkah-langkah pihak Kementerian dalam menarik minat pelancong-pelancong asing dan tempatan untuk melancong di Malaysia selepas Malaysia telah mempunyai kes Influenza A (H1N1).

28. PN-1222-L8119

**Datuk Akbar bin Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) komitmen untuk menubuhkan badan ala-PEMUDAH (untuk masyarakat perniagaan) sebagai langkah konkrit untuk memperbaiki sistem penyampaian bagi faedah rakyat/orang awam; dan
- (b) komitmen untuk menyusun semula kuota (misalnya kuota perumahan, kemasukan ke IPTA) mengikut komposisi kaum, selaras dengan aspirasi rakyat yang mahukan kesamarataan.

29. PN-1222-L7823

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan pelaksanaan e-Kerajaan khususnya dalam sistem penyampaian yang lebih efektif dan berkesan termasuklah perkhidmatan dalam talian, khidmat pesanan ringkas (SMS) dan aplikasi ICT.

**nah binti Haji Syed Mohamed minta MENTERI**

**DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani masalah 'Mat Rempit' dan memastikan masalah ini tidak berulang; dan
  - (b) adakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menyelesaikan masalah ini, melihat kepada penglibatan pelajar sekolah dan keruntuhan akhlak.
31. PN-1222-L7829  
**Datuk Sim Kheng Hui** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada pemeriksaan semula akan turut dijalankan di stadium-stadium di negeri lain, sebagai langkah pencegahan berlakunya keruntuhan hingga boleh menggugat keselamatan awam, selepas insiden di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Terengganu, melibatkan projek bernilai hampir RM300 juta dan baru dirasmikan pada 10 Mei 2008.
32. PN-1222-L7843  
**Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa penjagaan bangunan Kerajaan dan Jalan Persekutuan adalah tidak memuaskan dan sering dilaporkan di dada-dada akhbar. Adakah ini kerana Kementerian kekurangan bajet.
33. PN-1222-L7889  
**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan mereka yang masih ditahan tanpa bicara melalui ISA, dan akta yang berkaitan, pecahan mengikut warganegara, pertuduhan dan jumlah tempoh mereka yang telah ditahan.
34. PN-1222-L7609  
**Tuan Ng Fook Heng** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian Pelajaran memberi peruntukan untuk membayar bil utiliti (elektrik, telefon dan air) untuk sekolah-sekolah bantuan Kerajaan (SJKC, SJKT dan *Missionary Schools*).
35. PN-1222-L7678  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah objektif-objektif yang telah dicapai setelah Halal Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) telah ditubuhkan pada tahun 2006 bagi mengambil alih pengeluaran dan pemantauan Sijil Halal daripada JAKIM.

- s bin Shamsudin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk menggantikan semua pekerja-pekerja asing dengan rakyat Malaysia berasaskan konsep 1Malaysia di mana 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.
37. PN-1222-L7865  
**Dato' Yip Kum Fook** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa semasa Kementerian merancang untuk membuat sesebuah lebuhraya baru seperti DUKE, NPE dan projek pembesaran jalan sedia ada, mengapa tidak dibuat lorong untuk penunggang motosikal sekali.
38. PN-1222-L7762  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah insurans badan bagi teksi, kereta sewa dan kenderaan perdagangan naik sehingga 300 peratus. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meringankan beban mereka di atas.
39. PN-1222-L8136  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan keadaan golongan remaja masa kini ramai terlibat dengan gejala sosial yang amat membimbangkan.
40. PN-1222-L7616  
**Tuan Ng Fook Heng** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa orang murid yang gagal dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM mengikut kaum sejak 2007 dan apakah tindakan susulan untuk mengatasi kegagalan tersebut.
41. PN-1222-L7749  
**Datuk Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah untuk merealisasi dan memperkasakan konsep 1Malaysia 1 Bahasa dalam menyerlah jati diri di kalangan penduduk semua kaum.
42. PN-1222-L7817  
**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menubuhkan institut pembantu rumah warga tempatan bagi mengurangkan pergantungan kepada pembantu rumah warga asing.

**ti Abd. Samad** minta **MENTERI PELAJARAN**

menyatakan :-

- (a) bilangan guru mengikut jantina dan kepakaran yang berada dalam Skim Guru Cemerlang; dan
- (b) sejauh manakah Guru Cemerlang berkesan sebagai pakar rujuk, mentor serta jurulatih kepada guru dan murid untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

44. PN-1222-L7951

**Tuan Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah penghutang PTPTN yang telah pun dimasukkan ke dalam senarai hitam dan dilarang ke luar negara; dan
- (b) selepas pelaksanaan, berapakah peratus penghutang telah bermula menjelaskan hutang mereka kepada PTPTN.

45. PN-1222-L7993

**Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan peraturan agar pekerja-pekerja asing khususnya pembantu rumah yang beragama Islam hanya dibenarkan bekerja dengan majikan yang beragama Islam sahaja; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membuat peraturan supaya agensi-agensi pekerja-pekerja asing ini memantau pekerja-pekerja yang telah diserahkan kepada majikan setiap 6 bulan sekali seperti yang disuarakan oleh MCA baru-baru ini.

46. PN-1222-L7879

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ramai pembekal kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian tidak berpuas hati dengan pelaksanaan tawaran tender melalui sistem E-Perolehan kerana sistem online itu merumitkan kerja-kerja memasukkan data dan kelajuan transmisi data yang kurang cekap. Bagaimanakah Kementerian akan menangani dan mengatasi masalah ini.

47. PN-1222-L8181

**Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah sebarang penggubalan garis panduan yang bersepadu dan berseragam sedang dilaksanakan atau dirancang berhubung dengan papan tunjuk arah jalan ke sesuatu lokasi dengan lebih tepat serta bersepadu di seluruh negara.

**Puan Hajah Shamin Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf sekolah menyamai ciri-ciri sekolah berasrama penuh seperti yang disarankan oleh YAB. Perdana Menteri.

49. PN-1222-L7999  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pejuang-pejuang dan wira-wira negara benar-benar disemadi di dalam sejarah negara dan diperingati sesuai dengan ketinggian darjah dan maruah mereka yang telah tumpah ke bumi demi kedaulatan dan kemerdekaan negara. Adakah waris-waris mereka diingati secara langsung atau tidak di dalam apa jua keperluan seperti pelajaran anak-anak mereka, keperluan perumahan dan lain-lain sebagai usaha membalas budi pejuang-pejuang tersebut.
50. PN-1222-L7745  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan siapakah yang tersenarai sebagai penerima Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) Sesi Jun/Julai 2009 yang disalurkan melalui Ahli-ahli Parlimen kawasan masing-masing dan apakah sebabnya di beberapa kawasan dalam daerah Johor Bahru, penerima-penerima yang berketurunan bukan Melayu tidak sampai 10 peratus.
51. PN-1222-L8218  
**Prof. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) khususnya PETRONAS, TNB, Telekom dan lain-lain untuk mengiklankan syarikat-syarikat berkenaan dan produknya dalam media cetak berbahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil sepanjang lima tahun yang lalu. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa media cetak berbahasa kebangsaan mendapat langganan iklan yang lebih besar dari semua GLC.
52. PN-1222-L7768  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapakah Jalan Kuala Lipis-Gua Musang cuma 12 kilometer sahaja yang di naik taraf, sedangkan jalan tersebut adalah laluan yang tidak selamat pada pengguna-pengguna jalan raya.
53. PN-1222-L7649  
**Datuk Majjol bin Mahap** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah pemantauan yang dibuat oleh Kementerian untuk memastikan bahawa konsep penginapan desa atau *homestay* dapat diperolehi dengan sebaik-baiknya iaitu memberikan pengalaman kepada pelancong, terutamanya dari negara maju tentang bagaimana penduduk sesebuah tempat itu menjalani kehidupan seharian mereka.

nta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah wang caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah dikeluarkan untuk tujuan pelaburan dana mutual pada tahun 2006, 2007, 2008 dan enam bulan pertama tahun 2009; dan
- (b) berapakah jumlah faedah yang telah dinikmati oleh pencarum KWSP bagi tujuan pelaburan dana mutual.

- 55. PN-1222-L7648  
**Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah konsep 1Malaysia akan dapat memperteguh masyarakat majmuk di Malaysia di mana salah satu teras Perlembagaan adalah merangkumi hak-hak keistimewaan orang Melayu seperti mana yang termaktub di Seksyen 153 Perlembagaan Persekutuan.
- 56. PN-1222-L7807  
**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap sebuah syarikat pembinaan yang mendapat kontrak membina 26 buah sekolah tetapi tidak siap dalam tempoh seperti yang telah dijanjikan.
- 57. PN-1222-L8160  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi melindungi kepentingan wanita Islam di Malaysia oleh kerana suami mereka akan dapat berkahwin lagi dengan amat mudah di Selatan Thailand.
- 58. PN-1222-L7855  
**Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah PATI yang sering menggunakan negara ini sebagai pintu keluar.
- 59. PN-1222-L8101  
**Datuk Akbar bin Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah konkrit/proses merealisasikan 1Malaysia seperti memperkenalkan satu sekolah untuk semua serta pendekatan mengharmonikan prinsip-prinsip yang nampaknya bertentangan di bawah 1Malaysia seperti meritokrasi, daya saing, liberalisasi, sama rata, keadilan sosial, tindakan afirmatif, padang yang rata dan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

- Abdullah bin Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan aliran kemasukan pelabur-pelabur dari luar negara ke dalam Malaysia semenjak tahun 2007 sehingga kini. Apakah usaha dan inisiatif mutakhir Kementerian untuk membawa lebih banyak pelabur ke Malaysia terutamanya ke negeri-negeri yang kurang maju.
61. PN-1222-L7600  
**Puan GK Loga Chitra** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan populasi masa kini di Malaysia mengikut kaum dan umur dan bilangan pegawai pembanci mengikut kaum yang diambil untuk menjalankan bancian penduduk.
62. PN-1222-L7966  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan supaya tidak menyokong Resolusi Sri Lanka di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu kerana ini boleh menimbulkan kemarahan orang India yang seramai 1.8 juta di Malaysia.
63. PN-1222-L7657  
**Datin Paduka Datuk Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian akan membuat resolusi belia negara ini adalah belia aktif bersukan. Sebagaimana Australia yang dikenali sebagai negara sukan yakni '*sport nation*', Malaysia juga berpotensi untuk menyihatkan rakyatnya dari segi fizikal dan minda. Konsep ini dapat memperkukuhkan gagasan 1Malaysia. Apakah pendirian Kementerian mengenai perkara ini.
64. PN-1222-L8048  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah terkini pelaburan luar yang mengalir masuk bagi Iskandar Malaysia yang dibahagikan mengikut sektor-sektor penting.
65. PN-1222-L7953  
**Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang dijalankan untuk menghidupkan semula projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara memandangkan pembeli-pembeli telah mengeluarkan wang yang banyak untuk memiliki rumah mereka sendiri. Apakah peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Khas untuk menghidupkan dengan cepat projek yang terbengkalai ini.
66. PN-1222-L7639  
**Datuk Maijol bin Mahap** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah pelaksanaan peruntukan RMK-9 dan Pakej-pakej Rangsangan bagi negeri Sabah setakat ini dan berapa peratuskah lagi peruntukan-peruntukan tersebut yang belum dibelanjakan.

- Puan Haji Ibrahlim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menilai kembali kadar premium insurans motor di negara ini serta kesan kepada pengguna.
68. PN-1222-L8130  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah seterusnya yang diambil oleh Kerajaan tentang gagasan "1Malaysia" bagi meningkatkan lagi penghayatan rakyat pelbagai kaum dan agama terhadap aspek perpaduan nasional; dan
  - (b) apakah gagasan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" akan tercapai matlamatnya. Dengan adanya ramai pihak mengemukakan pelbagai tuntutan atas nama 1Malaysia yang jika diamati lebih menjurus kepada faedah kaum tertentu dan bukannya untuk semua anggota masyarakat.
69. PN-1222-L8083  
**Puan Mumtaz binti Md. Nawi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh prosedur pesanan dan sebut harga terhadap mesin dan alatan perubatan yang digunakan oleh hospital Kerajaan bagi mengelakkan pembelian melebihi harga pasaran dan jumlah peralatan yang dibeli tersebut tempoh 5 tahun terakhir.
70. PN-1222-L7672  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih lanjut mengenai konsep 1Malaysia memandangkan rakyat telah pun membuat tafsiran berkaitan konsep tersebut dari pelbagai perspektif dan apakah perbezaan konsep tersebut dengan Konsep 'Malaysian Malaysia'.
71. PN-1222-L7707  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan kes pesakit buah pinggang yang meningkat secara mendadak, namun, di hospital Kerajaan kemudahan peralatan mesin dialisis masih tidak mencukupi, adakah Kerajaan ingin memberi "geran" bantuan kepada pesakit yang pendapatan rendah untuk mendapatkan rawatan di pusat perubatan swasta.
72. PN-1222-L7922  
**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar India lepasan SPM yang telah ditawarkan biasiswa Program Ijazah Luar Negara JPA bagi tahun 2005-2009, dengan menyenaraikan jenis kursus, negara yang ditujui dan jumlah yang telah tamat pengajian.

- Dato' Haji Hamat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan diarakan Porteknik Hulu Terengganu di Kampung Kuala Jeneris, Hulu Terengganu akan dibina sedangkan pada 3 Februari 2008 YAB. Perdana Menteri ketika itu telah melakukan upacara pecah tanah namun sehingga kini ia belum dilaksanakan. Nyatakan juga berapa kos pembinaan keseluruhannya.
74. PN-1222-L8011  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- dengan jelas dan lengkap konsep 1Malaysia: "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"; dan
  - daripada rancangan masa depan Kerajaan bagaimana konsep itu akan digunakan dalam memupuk kesejahteraan dan keharmonian hidup rakyat dan pencapaian kemajuan negara.
75. PN-1222-L7944  
**Tan Sri Datuk Tee Hock Seng** minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kemungkinan Kerajaan akan menambah jumlah bantuan peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan komuniti Cina untuk aktiviti berunsur kebudayaan atau tradisional.
76. PN-1222-L8166  
**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membeli syarikat konsesi tol lebuhraya seperti PLUS Expressway Berhad dan jika tidak, apakah langkah-langkah alternatif yang lain yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan bebanan membayar tol lebuhraya yang sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia.
77. PN-1222-L7663  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah hendak menjadikan setinggian sifar tahun ini sedangkan masih ada kawasan setinggian di Wilayah Persekutuan yang belum dipindahkan. Nyatakan bilangan setinggian yang masih ada mengikut kawasan Parlimen.
78. PN-1222-L8171  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan pembekal air untuk menangani krisis bekalan air yang dijangka berlaku pada hujung 2009 nanti.

- in Haji Ambok** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pada masa kini kemudahan ICT di kawasan luar bandar masih lagi kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Bagaimana dan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan program ICT di luar bandar mendapat perhatian sewajarnya.
80. PN-1222-L7594  
**Puan GK Loga Chitra** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk menaik taraf kawasan-kawasan perniagaan peniaga keturunan India agar menjadi kawasan pelancongan utama.
81. PN-1222-L8062  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah keputusan yang dicapai berkaitan isu kenaikan tarif air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bilakah penguatkuasaan tarif baru akan bermula dan jika Kerajaan Selangor tidak bersetuju dengan kenaikan tersebut bolehkah ia terkecuali daripada membayar pampasan kepada pembekal air.
82. PN-1222-L7895  
**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah dan tindakan drastik yang dilaksanakan bagi mengawal dan menangani krisis ekonomi yang sedang dialami Malaysia, bagi mengekalkan pertumbuhan yang sesuai.
83. PN-1222-L8180  
**Dato' Azian bin Osman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana persijilan dan logo halal dikeluarkan dalam negara ini, berikutan masih banyak logo halal terutamanya tidak konsisten dan sama pada setiap keluaran produk tempatan.
84. PN-1222-L8072  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kenapakah kereta rasmi yang digunakan di pejabat pelajaran daerah tidak setaraf dengan kereta rasmi yang digunakan oleh ketua-ketua jabatan atau agensi Kerajaan yang lain.
85. PN-1222-L8232  
**Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Isu Blok Lautan Ambalat dan apakah kesannya dalam hubungan serantau.
86. PN-1222-L7928  
**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa ramaikah usahawan wanita India yang berjaya mendapat pinjaman dari TEKUN sepanjang tahun 2008 sehingga kini.

**Datuk Armani bin Haji Mahiruddin** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian akan menaikkan taraf klinik desa dan pusat kesihatan kecil di Sabah; dan
- (b) bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan pembelian Hospital SMC di Sabah dan berapakah harga pembelian sebenarnya.

88. PN-1222-L7918

**Dato' Daljit Singh Dalliwal** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan Akta Perlindungan Pengguna 1999 dicadangkan disemak semula pada tahun 2000 dan Kerajaan menangguhkan kepada 2006 tetapi sehingga kini masih tiada sebarang perkembangan dalam usaha untuk menambah baik peruntukan-peruntukan akta ini yang didapati lemah dan ketinggalan zaman. Bilakah pihak Kementerian bercadang untuk membentangkan pindaan kepada akta ini.

89. PN-1222-L7794

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kebimbangan industri perbukuan negara mengenai kekurangan penulis tempatan yang mengangkat topik Sains dan Teknologi (S & T) sebagai subjek penulisan dan apakah rasionalnya DBP tidak lagi menggalakkan penerbitan buku S & T yang diterjemahkan daripada karya penulis-penulis antarabangsa.

90. PN-1222-L7710

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani isu tuntutan bertindih perairan Ambalat dan sejauh manakah rundingan Kerajaan Malaysia dan Indonesia tercapai untuk menyelesaikan masalah tersebut.

91. PN-1222-L8267

**Dato' Wong Siong Hwee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyalurkan sebahagian peruntukan berjumlah beratus juta Ringgit Malaysia dari biasiswa JPA bagi bidang perubatan disalurkan untuk digunakan bagi membina fasiliti "teaching hospital" termasuk mengkaji pakar-pakar perubatan terkemuka sebagai pensyarahnya. Jika "ya" apakah perancangannya, dan jika "tidak" mengapa.

92. PN-1222-L7755

**Datuk Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan keberkesanan pelaksanaan program Kelas Dewasa Asli dan Peribumi (KEDAP) dan apakah usaha yang telah dikenal pasti untuk menambah baik pelaksanaan.

izah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI**

**PELANCUNGAN** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah sambutan terhadap program "Malaysia My Second Home" (MM2H) dan statistik negara asal pemilik hartanah di bawah program MM2H sejak ianya dilancarkan ; dan
  - (b) sejauh manakah undang-undang Malaysia terpakai terhadap mereka.
94. PN-1222-L7701  
**Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa benarkah ijazah perundangan yang di tawarkan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak di iktiraf untuk praktis sebagai peguam cara / peguam bela mahkamah di negara ini.
95. PN-1222-L7837  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan keuntungan yang diperoleh negara daripada hasil jualan kereta-kereta yang diimport ke Malaysia.
96. PN-1222-L8051  
**Tuan Haji Shamsudin bin Mehat** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian melalui IPTA-IPTA untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dan pembangunan potensi modal insan kanak-kanak, termasuk menganjurkan program khas yang dapat membantu tahap kecemerlangan akademik, akhlak dan kehidupan golongan kanak-kanak, sepertimana yang dijalankan oleh IPT-IPT luar negara.
97. PN-1222-L7968  
**Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) apakah matlamat yang hendak dicapai oleh program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan baru-baru ini; dan
  - (b) kaedah atau pendekatan yang digunakan supaya program tersebut benar-benar berkesan dan mendapat sambutan daripada semua lapisan masyarakat.
98. PN-1222-L8078  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria apakah yang diberi markah tinggi dalam sesuatu proses temu duga dalam perkhidmatan awam sama ada kelulusan, pengalaman atau kemahiran calon berkenaan.

minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap persiapan negara bagi menghadapi wabak Influenza A (H1N1) dan sama ada terdapat cukup bekalan perubatan bagi pesakit.

100. PN-1222-L8278  
**Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ciri-ciri utama konsep 1Malaysia dan sejauh manakah konsep ini berbeza dari konsep Malaysian Malaysia yang pernah dikemukakan oleh pemimpin sebelum ini.
101. PN-1222-L7617  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah benar vaksin Meningitis mengandungi enzim babi seperti diakui pengeluarinya GlaxoSmithKline di Indonesia. Bagaimanakah pula Kementerian hendak mengawal suntikan ini di klinik-klinik persendirian untuk jemaah haji dan umrah Malaysia.
102. PN-1222-L8000  
**Dato' Dr. Yeow Chai Thiam** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian mengkaji semula syarat kelayakan pelaburan dalam dana Amanah Saham Malaysia dan Amanah Saham Wawasan 2020 yang dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad supaya pengagihan melabur yang adil dapat diagihkan kepada rakyat jelata.
103. PN-1222-L7708  
**Datuk Chandrasekar Suppiah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah mekanisme baru untuk menyelesaikan masalah biasiswa JPA dan tawaran matrikulasi untuk pelajar-pelajar cemerlang SPM. Mengapa tidak ada ketelusan dalam pemberian biasiswa ini oleh JPA dan kenapa terdapat ramai pelajar yang mendapat 9A ke atas yang tidak ditawarkan.
104. PN-1222-L8284  
**Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan di dalam Rancangan Malaysia ke-9 yang diperuntukkan kepada Program Pendidikan Khas dan beri secara terperinci pecahan peruntukan tersebut mengikut program dan jenis kecacatan.
105. PN-1222-L8109  
**Datuk Akbar bin Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan untuk meningkatkan ekuiti dan aset masyarakat Bumiputera dan India dalam tahun-tahun hadapan memandangkan kadar peratusnya masih jauh lagi dari sasarannya.

**aw** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada terdapat peruntukan dan pemantauan khas bagi menjayakan Sambutan Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Ibu bapa dan pelbagai jenis hari lain diraikan di pelbagai peringkat kita agar ianya benar-benar menepati sasaran dan menepati agama dan adat budaya setempat.

107. PN-1222-L8290  
**Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program pra-sekolah yang diperkenalkan oleh Kerajaan dikenali dengan PERMATA mempunyai potensi yang baik bagi membentuk jati diri kanak-kanak di peringkat pra-sekolah. Adakah perancangan untuk memperkembangkan program ini bagi meliputi kanak-kanak OKU.
108. PN-1222-L7728  
**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji dan meminda Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-undang (perkahwinan dan penceraian) agar ianya tidak menganiaya salah seorang daripada pasangan yang memeluk agama Islam.
109. PN-1222-L7782  
**Tuan Khoo Soo Seang** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) bilakah Kementerian akan melaksanakan cadangan untuk melatih guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah menengah persendirian; dan
  - (b) apakah latihan yang diberikan itu berbentuk kursus penuh pra-perkhidmatan atau kursus jangka pendek dalam perkhidmatan atau kedua-duanya.
110. PN-1222-L7684  
**Tuan Ahmad bin Hussin** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian menyokong supaya Tenaga Nasional Berhad membuka lombong arang batu (*coal*) bagi tujuan mendapat bekalan dan harga yang berpatutan untuk mengurangkan kos pengeluaran tenaga dan seterusnya menurunkan tarif elektrik di Malaysia.

## II MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. **Bacaan Kali yang Kedua**  
**(Kementerian Pertahanan)**
2. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. “  
**(Kementerian Kewangan)**
3. (D.R. 20/2008) Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. “  
**(Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)**
4. (D.R. 26/2008) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008. “  
**(Kementerian Pengangkutan)**
5. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008. “  
**(Kementerian Dalam Negeri)**
6. (D.R. 4/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009. “  
**(Perdana Menteri)**
7. (D.R. 8/2008) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia 2009. “  
**(Kementerian Kewangan)**
8. (DR.11/2009) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) (Pindaan) 2009 “  
**(Perdana Menteri)**

Undang-undang Perbadanan  
Pembangunan Industri Kecil dan  
Sederhana (Pindaan) 2009.

“

**(Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri)**

10. PN-1222-U8036

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara dalam semua bidang sama ada Pentadbiran, Politik, Ekonomi, Sosial, Agama, Perniagaan, Perundangan dan Pendidikan serta menyedari Bahasa Melayu telah dipinggirkan sebagai bahasa ilmu dalam pengajaran Matematik dan Sains (digantikan dengan Bahasa Inggeris) di sekolah-sekolah kini dan menginsafi terdapat bantahan dan desakan yang kuat dari sebahagian akar umbi. Maka Bahasa Melayu perlu dipulihkan maruahnya dan diguna / ditempatkan semula sebagai bahasa pengantar dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut".

**[Kementerian Pelajaran]**

11. PN-1222-U8037

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Setiausaha Agong Parti Komunis Malaya (PKM) Ching Peng adalah musuh utama negara. Perjuangan haramnya menyebabkan banyak perajurit, pasukan keselamatan dan orang awam kehilangan nyawa. Suami kehilangan isteri, isteri kehilangan suami, anak kehilangan ayah dan datuk serta nenek, semuanya angkara dan durjana Chin Peng. Kini setelah 52 tahun merdeka, si durjana ini hendak dibawa balik ke negara kita tanpa apa-apa tindakan saingan Kerajaan. Justeru, saya mengusulkan agar Chin Peng tidak dibenarkan pulang sama sekali ke negara ini atas tindakannya mengkhianati, jenayah dan kerakusannya".

**[Menteri Dalam Negeri]**

**NG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
EWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2009</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.30	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2008	6 Julai 2009
ST.33	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2007	6 Julai 2009
ST.37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.38	Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008	6 Julai 2009
ST.39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung, Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional (BSN) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.41	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan(Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Saraan Pekerja) 2009 P.U (A) 110 bertarikh 10 Mac 2009	6 Julai 2009
ST.42	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Loji dan Jentera) 2009 P.U (A) 111 bertarikh 10 Mac 2009	6 Julai 2009
ST.43	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2009 P.U (A) 123 bertarikh 19 Mac 2009	6 Julai 2009

2009PERLEKAT/DOKUMENTARIKH  
DIBENTANGKAN

ST.44	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) ( Tatanama Tarif Berharmonis Asean dan Tarif Keutamaan Sama Rata) 2009 P.U (A) 124 bertarikh 19 Mac 2009	6 Julai 2009
ST.45	AKTA CUKAI JUALAN 1972 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.2) (Pindaan) (No.2) 2009 P.U (A) 143 bertarikh 10 April 2009	6 Julai 2009
ST.46	AKTA CUKAI JUALAN 1972 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai No.2) (Pindaan) (No.3) 2009 P.U (A) 144 bertarikh 10 April 2009	6 Julai 2009
ST.47	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 P.U (A) 152 bertarikh 16 April 2009	6 Julai 2009
ST.48	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan(Potongan bagi Manfaat dan Pemberian daripada Majikan kepada Pekerja) 2009 P.U (A) 153 bertarikh 16 April 2009	6 Julai 2009
ST.49	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.2) 2009 P.U (A) 156 bertarikh 23 April 2009	6 Julai 2009
ST.50	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Pindaan) 2009 P.U (A) 159 bertarikh 16 April 2009	6 Julai 2009
ST.51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009

2009PERLEKAT/DOKUMENTARIKH  
DIBENTANGKAN

ST.52	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang Di Bawah Program Early Harvest dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China) 2008 P.U (A) 228 bertarikh 13 Jun 2008	6 Julai 2009
ST.53	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.54	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) ( Tatanama Tarif Berharmonis Asean dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pengecualian) 2009 P.U (A) 200 bertarikh 1 Jun 2009	6 Julai 2009
ST.55	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) ( Tatanama Tarif Berharmonis Asean dan Tarif Keutamaan Sama Rata)(Pengecualian)(No.2) 2009 P.U (A) 201 bertarikh 1 Jun 2009	6 Julai 2009
ST.56	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Rapat antara Malaysia dengan Republik Islam Pakistan) (Pindaan) 2009 P.U (A) 202 bertarikh 1 Jun 2009	6 Julai 2009
ST.57	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang di Bawah Program %Early Harvest+ dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Asean dan China) (Pindaan) 2009 P.U (A) 203 bertarikh 1 Jun 2009	6 Julai 2009
ST.58	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-barang di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Negeri-negeri Anggota Asean dengan Jepun) (Pindaan) 2009 P.U (A) 204 bertarikh 1 Jun 2009	6 Julai 2009

<u>2009</u>	<u>PERLEKAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.59	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2009 P.U (A) 205 bertarikh 1 Jun 2009	6 Julai 2009
ST.61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ( LTAT ) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2008.	6 Julai 2009
ST.65	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) (Pindaan) 2009. P.U (A) 211 bertarikh 8 Jun 2009.	6 Julai 2009
ST.66	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 dan AKTA PETROLEUM (Cukai Pendapatan) 1967. Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Turkmenistan) 2009 P.U (A) 218 bertarikh 18 Jun 2009	6 Julai 2009
ST.67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ( KWAP ) Bagi Tahun 2008.(Telah Diaudit)	6 Julai 2009
ST.68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ( KWSP ) Bagi Tahun 2008. ( Telah Diaudit )	6 Julai 2009
CMD 6	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009	6 Julai 2009

[Click Here to upgrade to  
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

**TAHUN**  
**2009**

**RISALAT/DOKUMEN**

**TARIKH**  
**DIBENTANGKAN**

CMD 6A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus ( Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009 Bagi Kerajaan Malaysia.	6 Julai 2009
CMD 7	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009	6 Julai 2009
CMD 7A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ( Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2009 Bagi Kerajaan Malaysia.	6 Julai 2009

**AN PENANGGUHAN**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH UCAPAN DIBUAT</b>	<b>AHLI YANG BERUCAP</b>	<b>TAJUK UCAPAN</b>	<b>MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB</b>
1.	6.7.2009 (Isnin)	Puan Mumtaz binti Md. Nawi	Mengehadkan Subjek SPM	Menteri Pelajaran
2.	6.7.2009 (Isnin)	Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad	Membendung Permasalahan Sosial Belia dan Remaja	Menteri Belia dan Sukan